

02/11/2000

Ezam cabar kerajaan buat pendakwaan secepat mungkin

SEPANG, Rabu - Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional, Mohamad Ezam Mohd Noor mencabar kerajaan supaya mendakwanya secepat mungkin berhubung tindakannya memburuk-burukkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di luar negara.

Ezam berkata, beliau sudah menghubungi Balai Polis Kota Setar, Alor Star, Kedah dan meminta supaya siasatan diadakan terhadapnya dengan seberapa segera.

"Saya mencabar kerajaan Malaysia supaya mendakwa saya atas apa-apa akta pun dengan segera. Saya juga akan menghadirkan diri ke balai polis berkenaan pada hari Jumaat (3 November) jam 3 petang untuk disoal siasat atas permintaan saya sendiri," katanya dalam sidang akhbar yang diadakan di KLIA malam ini.

Ezam berkata, beliau tetap tidak berganjak dengan pengakuannya sebelum ini, beliau memburukkan dan mengkritik Perdana Menteri dalam ucapannya yang dibuat di Alor Star, 25 Oktober lalu.

(END)